



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
JAWATAN KOSONG

Lembaga Pelabuan Johor dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut :

PEGAWAI, GRED PP4

Lantikan	Tetap
Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan & Profesional
Gaji (SGMM)	Minimum: RM3,205.00
KGT	RM270.00
Elaun	Keraian : RM600.00 ITP : RM500.00 Saraan (COLA) : RM300.00
Penempatan	Unit Khidmat Korporat Bahagian Khidmat Korporat & Pembangunan

1. SYARAT PERMOHONAN :

Calon hendaklah memenuhi kelayakan berikut :-

- Warganegara Malaysia; dan
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun daripada tarikh tutup iklan; dan
- Bebas daripada sebarang rekod jenayah, penyalahgunaan dadah, tuduhan rasuah (SPRM), keberhutangan serius, muflis dan tindakan tatatertib; dan
- Mahir dalam pertuturan dan penulisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris; dan
- Perakuan pemeriksaan kesihatan melalui Laporan perubatan Klinik/Hospital dari panel LPJ.

2. SYARAT LANTIKAN :

- (a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda Komunikasi atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tempatan atau luar negara; dan
- (b) Memiliki kepujian Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

3.1 Pemudahcara Perdagangan

a) Pengurusan Tarif Pelabuhan

- Menyelaras dan mengkoordinasi pengurusan tarif pelabuhan.
- Membantu Unit Undang-undang dalam menyediakan draf *by-law* yang berkaitan dengan tarif.

b) Pemantauan Standard Prestasi Pelabuhan

- Mengumpul dan menyelenggara data standard prestasi bagi kedua-dua pelabuhan.
- Memastikan pematuhan terhadap standard yang ditetapkan.

c) Pengurusan Statistik Pelabuhan

- Mengumpul dan mengemaskini statistik pengendalian kargo dan kontena.
- Menyediakan laporan statistik kepada kementerian dan agensi kerajaan berkaitan.

d) Penganjuran Dialog dan Mesyuarat Koordinasi Pelabuhan

- Menyelaras dan melaksanakan Dialog Pengguna Pelabuhan bersama pemegang taruh dan agensi berkaitan.
- Memantau pelaksanaan tindakan susulan hasil keputusan mesyuarat.

3.2 Pengukuhan Imej dan Promosi

a) Pengurusan Program CSR dan Wakalah Zakat

- Merancang, mengurus dan melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan program wakalah zakat tahunan berdasarkan peruntukan dan ketetapan LPJ.
- Menyediakan laporan pelaksanaan dan perbelanjaan tahunan untuk dikemukakan kepada pihak pengurusan dan agensi berkaitan.

b) Penyediaan Kenyataan Rasmi dan Teks Ucapan

- Menyediakan teks ucapan, kenyataan media dan bahan komunikasi rasmi untuk program-program jabatan dan acara rasmi.

c) Pengurusan Aktiviti Tahunan LPJ

- Mengurus dan melaksanakan program tahunan jabatan seperti Karnival LPJ, Majlis Makan Malam dan lain-lain.
- Bertindak sebagai urusetia tetap bagi program-program tahunan yang diluluskan.

d) Pengurusan Media Sosial dan Reka Bentuk Kreatif

- Mengurus dan menyelaraskan kandungan media sosial rasmi LPJ termasuk Facebook, Instagram, LinkedIn dan platform lain.
- Mencipta, menyunting dan menerbitkan bahan visual serta grafik untuk tujuan promosi, hebahan dan imej korporat (poster, video pendek, infografik dan seumpamanya).
- Memastikan gaya visual dan mesej komunikasi selaras dengan identiti korporat LPJ.
- Menyediakan laporan prestasi media sosial secara berkala.

e) Penerbitan dan Percetakan

- Menguruskan penerbitan seperti Laporan Tahunan, Sampul Raya, Diari dan Kalendar tahunan.

f) Pengurusan Pelanggan dan Aduan Awam

- Bertindak sebagai urusetia kepada Pengurusan Aduan LPJ.

3.3 Libat Urus Bersama Pemegang Taruh

a) Pelaksanaan Program Usahasama

- Melaksanakan program berdasarkan persetujuan bersama antara LPJ dan agensi lain.
- Menyediakan dokumen MOU berkaitan program libat urus.

b) Penyertaan dalam Persatuan Tempatan dan Antarabangsa

- Menyertai dan menyumbang secara aktif dalam persatuan berkaitan industri pelabuhan.

c) Menguruskan Lawatan dan Mesyuarat Rasmi

- Merancang dan menyediakan kertas cadangan serta dokumentasi berkaitan bagi lawatan rasmi Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan tertinggi.
- Menyelaras dan mengurus lawatan serta mesyuarat rasmi yang melibatkan agensi luar, delegasi antarabangsa, rakan strategik dan pemegang taruh industri.
- Memastikan atur cara, logistik, protokol dan dokumentasi mesyuarat/lawatan berjalan lancar serta memenuhi objektif yang ditetapkan.

4. CARA MEMOHON :

4.1 Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web Lembaga Pelabuhan Johor (<https://www.lpj.gov.my>).

4.2 Borang permohonan yang lengkap perlu di sertakan bersama-sama dokumen berikut:

- (i) Resume dengan *Curriculum Vitae* (CV) yang mempunyai;
 - a) Maklumat peribadi,
 - b) Kelayakan akademik/ kompetensi (sertakan bersama sijil berkaitan dan sijil SPM)
 - c) Pengalaman kerja
 - d) Jangkaan gaji
 - e) Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport; dan

- (ii) Salinan Sijil Kelahiran & Salinan Kad Pengenalan; dan
- (iii) Semua salinan sijil-sijil yang disertakan perlu disahkan oleh pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan & Profesional yang berkeelayakan ; dan
- (iv) Laporan Pemeriksaan Kesihatan terkini.

4.3 Borang permohonan dan dokumen yang lengkap sahaja akan diproses.

Borang yang lengkap diisi dan dokumen berkaitan dengan permohonan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan ditulis tujuan permohonan, dihantar tangan atau diposkan berdaftar kepada :

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
JALAN MAWAR MERAH 2,
PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM
(U.P. : UNIT PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA)
TEL: 07-2534000**

TUJUAN PERMOHONAN : PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI, GRED PP4

MAKLUMAT TEMU DUGA :

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Calon yang di senarai pendek untuk menghadiri temu duga dikehendaki mendapatkan surat pengiktirafan MQA kelayakan melalui : <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh temu duga, adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Tutup Permohonan : 22 Mei 2025 (Khamis), jam 5.00 petang